

CABARAN USAHAWAN KIOSK 1 BORNEO HYPERMALL SEMASA PANDEMIK COVID-19

Challenges of kiosk 1 Borneo Hypermall Entrepreneurs During the Covid-19 Pandemic

CHENTIA SUBI¹, MOHAMAD NAZRIL BIN SHARIL², JESSIE PADISAN³ & LINDAH ROZIANI JAMRU^{4*}

^{1,2,3,4}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

*Corresponding author: Email: lindahroziani@ums.edu.my

Received 10 Feb 2025; Revised: 25 April 2025; Accepted: 10 May 2025; Published: 1 June 2025

To cite this article: Chentia, S., Mohamad Nazril, S. ., Jessie, P. ., & Lindah Roziani, J. (2025). Cabaran usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19. *GEOGRAFI*, 13(1), 1-14. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol13.1.1.2025>

ABSTRAK *Pandemik COVID-19 telah memberi impak negatif terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan sektor yang paling terjejas oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan pelbagai masalah kepada usahawan kiosk, dengan ramai yang terpaksa menutup perusahaannya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menyelidik cabaran yang dihadapi oleh peniaga kiosk di 1 Borneo Hypermall sewaktu pandemik COVID-19. Metodologi kajian ini melibatkan pendekatan kuantitatif dan pemerhatian untuk menyokong hasil kajian. Hasil kajian menunjukkan cabaran yang dihadapi pengusaha kiosk di 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19 berlaku adalah terdapat persaingan pemasaran di kalangan pengusaha yang lain (skor min = 4.38), waktu perniagaan yang ditetapkan oleh kerajaan kepada pengusaha kiosk adalah terhad (skor min = 4.00) dan pengusaha kurang pengetahuan cara untuk mempromosi jualan di media sosial (skor min = 3.90). Bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh pengusaha kiosk ini, pihak kerajaan perlu menjalankan program ilmu keusahawanan bagi memantapkan lagi kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran para usahawan untuk menghadapi cabaran pandemik COVID-19.*

Kata Kunci: COVID-19, Cabaran, PKS, Usahawan

ABSTRACT *The COVID-19 pandemic has negatively impacted Malaysia's economic growth. The Small and Medium Enterprises (SME) sector is among the most affected by the implementation of the Movement Control Order (MCO). The pandemic has created various problems for kiosk traders, many of whom have been forced to close their businesses. Therefore, this study was conducted to investigate the challenges faced by kiosk entrepreneurs at 1 Borneo Hypermall during the COVID-19 pandemic. The methodology of this study involved quantitative approaches and observations to support the findings. The results indicate that the challenges faced by kiosk operators at 1 Borneo Hypermall during the COVID-19 pandemic include intense marketing competition among other entrepreneurs (mean score = 4.38), limited business hours imposed by the government (mean score = 4.00), and a*

lack of knowledge on how to promote sales on social media (mean score = 3.90). To address these challenges, the government should implement entrepreneurship education programs to enhance the management, financial, and marketing skills of entrepreneurs in order to better cope with the challenges posed by the COVID-19 pandemic.

Keywords: COVID-19, SME'S, GDP, MCO

1. Pengenalan

Menurut Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (2021), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berperanan penting dalam ekonomi negara. PKS menyumbang 32% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 59% kepada penggunaan tenaga kerja, seterusnya 19% kepada eksport negara. Berdasarkan bancian ekonomi 2011, PKS di negara ini mencakupi 645,136 entiti daripada 662,939 jumlah keseluruhan pertubuhan di Malaysia. Mueller et al. (2013) menekankan bahawa sumbangan PKS kepada pembangunan ekonomi dan inovasi telah dibincangkan secara meluas dalam kajian sebelumnya. Walaupun PKS menghadapi kekangan sumber untuk inovasi, Prajogo & McDermott (2013) menyatakan bahawa saiz kecil dan struktur fleksibel PKS membolehkan mereka bertindak balas dengan lebih cepat terhadap keperluan inovasi. Fareez (2020) melaporkan bahawa perniagaan kecil di negara ini adalah antara sektor yang terkesan setelah PKP dilaksanakan bagi mengekang penyebaran COVID-19, yang seterusnya menyebabkan masalah ekonomi di seluruh dunia (UNDP, 2020; Cheng, 2020). Para pakar ekonomi global memberi amaran tentang kemerosotan ekonomi dan kewangan antarabangsa, terutama di negara-negara Asia Tenggara seperti Singapura, Malaysia Indonesia, Filipina dan Thailand yang telah melaksanakan kuarantin bagi mencegah penyebaran virus (Noor Fzlinda et al., 2020). Keadaan ini memberi kesan terhadap keadaan psikologi individu, kemurungan, mengakibatkan tekanan dan kebimbangan (Firdaus, 2020). Aktiviti ekonomi juga terjejas, menyebabkan banyak perniagaan terpaksa ditutup, tanpa interaksi antara pelanggan dan penjual, gangguan dalam penghantaran produk, dan penekanan pada penjarakan sosial (Firdaus, 2020). Ramai individu kehilangan pekerjaan akibat pengurangan tenaga kerja di semua sektor (Karabarg, 2020).

Mymetro (2020) melaporkan bahawa Persatuan Peruncit Malaysia (MRA) merupakan industri runcit tempatan teruk terjejas, setelah jualan menurun hingga 60% pada Februari 2020. PKP menyaksikan penurunan jualan sehingga 90% pada Mac 2020 akibat langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan. Tindakan ini menyebabkan masalah aliran tunai yang serius. Sekiranya keadaan ini tidak ditangani, ia akan menjejaskan nilai aset, pendapatan dan mengakibatkan kemerosotan ekonomi yang berterusan. MRA turut memberi amaran bahawa peruncit kecil mungkin terpaksa menghentikan perniagaan selepas 14 April 2020

akibat kekurangan pendapatan semasa PKP dan kesulitan membayar gaji, sewa dan caruman wajib. Selain itu, pemilik premis perniagaan disarankan untuk tidak mengenakan sewa sepanjang PKP dan memberikan beberapa rebat sewa selepas itu untuk memastikan pemulihan yang lebih cepat, serta menjaga struktur ekonomi dan pekerjaan (MyMetro, 2020). Justeru itu, pihak kerajaan perlu membantu bukan sahaja dari segi kewangan untuk membantu perniagaan dan berperanan untuk memastikan setiap rakyat negara ini divaksin untuk meningkatkan lagi tahap imunisasi penduduk (Jamru et al, 2024) dan memastikan sistem pendidikan negara turut terjamin (Jafar et al, 2022).

2. Soroton Karya

2.1 Konsep Peniaga Kecil Sederhana (PKS)

Menurut Rima dan Harifah (2012), PKS dikategorikan kepada tiga kelas iaitu kategori mikro, kecil, dan sederhana. Dalam kategori mikro pendapatan tahunan adalah RM300,00 dengan pekerja tidak lebih daripada 5 orang sama ada dalam kategori perkhidmatan, pembuatan dan sektor-sektor lain. Menurut Fatimah (2021), konsep keusahawanan mikro mula digunakan apabila sebahagian besar usahawan kecil menggunakan kaedah bekerja secara tidak formal dan mempunyai pekerja yang tidak tetap dan upah yang rendah. Kebanyakan usahawan mikro mempunyai pengalaman dalam berniaga tetapi tidak cukup mahir dalam selok-belok perniagaan kerana kurang pengetahuan dalam pengurusan risiko perniagaan. Individu yang tergolong dalam usahawan mikro berpendapat bahawa perniagaan secara kecil - kecilan merupakan salah satu langkah dalam menangani masalah kadar upah rendah dan pekerjaan yang tidak terjamin (Sherraden et al., 2004).

Usahawan bukan sahaja berperanan dalam mewujudkan perniagaan baru, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan yang berkaitan dengan teknologi, dan budaya inovasi (Rosli et al., 2007). Hal ini secara langsung dapat membantu meningkatkan ekonomi negara dan menyumbang kepada pemangkin kepada strategi negara untuk mengurangkan masalah kadar 17% pengangguran dalam kalangan masyarakat. Menurut Fatimah (2021), individu yang menjadi usahawan mikro, sebahagian mereka mempunyai pekerjaan yang tidak stabil dan tidak berpeluang untuk meningkatkan taraf diri dengan pekerjaan tersebut. Usahawan menerima banyak bantuan daripada kerajaan dalam bentuk kewangan, yang secara langsung menyokong pertumbuhan IKS di negara ini, memandangkan mereka memerlukan modal yang besar untuk memulakan perniagaan. Menurut Ibrahim dan Yahaya (2014), beberapa agensi yang terlibat dalam memberikan sokongan kepada usahawan termasuklah SME Bank, Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), UDA Holdings Bhd, Bank Pembangunan, Syarikat Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDCs), Bank Rakyat, Maktab Kerjasama Malaysia

(MKM), dan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK).


2.2 Cabaran dan Kesan Usahawan Semasa Pandemik COVID-19

Menurut Firdaus (2020), situasi ini memberi impak apabila perniagaan disekat, tiada perhubungan di antara pelanggan dan penjual, jarak sosial diutamakan dan pengusaha tidak dapat menghantar produk. Hal ini juga memberi kesan psikologi seperti tekanan, kemurungan dan kegelisahan kepada rakyat Malaysia. Ketakutan masyarakat terhadap sebaran COVID-19 merupakan punca penurunan permintaan dalam perniagaan yang dijalankan oleh pengusaha PKS. Kebimbangan pelanggan mengenai risiko dijangkiti virus ini menyebabkan mereka enggan untuk berbelanja (Murnaena, 2020). Fareez (2020) menyatakan bahawa sektor perniagaan kecil di Malaysia adalah antara yang paling terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian oleh Subi et al (2022), Peter et al (2022) dan Jamru et al (2023) menunjukkan usahawan kecil seperti peniaga di Kiosk 1 Borneo dan peniaga pasar malam di pekan Ranau begitu terkesan akibat pandemik COVID-19. Hal ini secara langsung menjejaskan perusahaan mikro di dalam pusat membeli belah terutamanya peniaga kiosk. Menurut Nur Ashikin (2021), sejurus PKP 18 3.0 dilaksanakan di seluruh negara orang awam lebih memilih untuk tinggal di rumah disebabkan pergerakan semakin terbatas kerana sekatan jalan raya yang ketat. Lantaran itu, pusat membeli belah kurang dikunjungi sehingga menimbulkan banyak keluhan dalam kalangan peniaga. Sektor PKS merupakan antara salah satu sektor informal yang menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini sebelum berlakunya penyebaran wabak COVID-19 (Rima & Harifah (2021). Namun situasi bertukar dengan pantas apabila semasa pandemik COVID-19 telah menguasai keadaan yang memaksa pengusaha untuk memberhentikan ramai pekerja kerana pendapatan semakin menurun. Pengurangan tenaga kerja dipelbagai sektor ekonomi telah menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan (Karabarg, 2020).


Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan pengurangan tenaga kerja, gangguan rantai bekalan dan penutupan sektor sokongan secara tidak langsung telah menjejaskan perniagaan berskala kecil (Mohd Roji, 2020; Mohd Yusof, 2020). Zamri dan Nurul (2020) menyatakan bahawa sektor PKS adalah majikan terbesar di negara ini yang menyediakan hampir 10 juta peluang pekerjaan dan memegang pinjaman bank berjumlah lebih RM300 bilion. Akan tetapi, akibat PKP, banyak daripada mereka berada di ambang muflis, dan tanpa bantuan yang mencukupi, dijangka ramai akan terpaksa menutup perniagaan mereka. Impak ini amat ketara dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS), yang dianggarkan menyumbang 98.5% daripada jumlah keseluruhan perusahaan, menyebabkan kesan mendalam terhadap sektor tersebut (Smita, 2020).

3. Lokasi Kajian

Lokasi kajian adalah di 1 Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, Sabah. 1 Borneo Hypermall merupakan sebuah pusat membeli-belah terbesar di Sabah dan merupakan pusat tumpuan orang ramai. Pusat membeli-belah ini juga adalah salah satu menjadi penyumbang kepada sektor ekonomi negara dan juga peniaga dimana mempunyai jumlah keluasan lantai runcit 111, 483 m². Koordinatnya ialah 6.036111°N, 116.129444°E. Pada tahun 2016 direkodkan terdapat 118 kiosk yang beroperasi di Hypermall tersebut, di mana 11 daripada kiosk tersebut disewakan oleh pihak pengurusan, manakala 107 telah dijual kepada pengusaha. Ketika penyerahan rancangan pembangunan, sebanyak 114 kiosk telah diluluskan, dan pada tahun yang sama, dijadualkan penambahan 260 kiosk lagi (Borneo Post Online, 2016).



Rajah 1. Peta Kota Kinabalu



Rajah 2. Peta 1 Borneo Hypermall

4. Kaedah Kajian

Pada 7 Mei 2021, kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan metod soal selidik untuk pengumpulan data. Sebanyak 50 orang responden dipilih, terdiri daripada pengusaha kiosk bagi menjawab persoalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Soalan dalam borang soal selidik dirangka berdasarkan beberapa rujukan dan diperkuatkan dengan pemerhatian yang dilakukan di lokasi kajian untuk menilai keadaan semasa kawasan tersebut.

4.1 Borang Soal Selidik

Proses soal selidik dijalankan dengan penyelidik memberikan penerangan ringkas tentang tujuan kajian serta menekankan bahawa semua maklumat peribadi responden akan dirahsiakan. Jawapan kepada soalan semuanya bergantung pada persepsi dan pendapat masing-masing. Borang soal selidik merangkumi empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C, dan D. Dalam soal selidik ini, pengusaha kiosk diminta untuk memberikan tindak balas mereka secara jujur berdasarkan situasi semasa bagi setiap soalan yang diajukan, menggunakan skala Likert lima titik, yang terdiri daripada: (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju. Menurut Cohen et al. (2007), penggunaan skala Likert adalah salah satu indikator pengukuran yang sesuai untuk mendapatkan pandangan responden dalam kajian yang dijalankan.

5. Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian mengenai cabaran usahawan kiosk di 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19 akan dipaparkan dalam bentuk jadual kekerapan dan jadual skor min. Skala Likert yang digunakan terdiri daripada pilihan sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju, dan sangat setuju. Jadual skor min pula berdasarkan analisis yang diperkenalkan oleh Mohamad Najid (1999), yang menggunakan sistem penilaian markah satu item. Markah minimum yang diperolehi adalah 1, manakala markah maksimum adalah 5.

Jadual 1.*Cabaran Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19*

Bil	Penyataan Cabaran Usahawan Kiosk	Skala	Kekerapan Peratus%	
1.	Pengusaha kiosk kurang pengetahuan tentang kaedah pemasaran	Sangat tidak setuju	7	14
		Tidak setuju	12	24
		Kurang setuju	16	32
		Setuju	12	24
		Sangat setuju	3	6
2.	Pengusaha kurang tahu cara mempromosikan jualan di Media Sosial	Sangat tidak setuju	15	30
		Tidak setuju	7	14
		Kurang setuju	19	38
		Setuju	8	16
		Sangat setuju	1	2
3.	Pengusaha lebih selesa menjual di kiosk berbanding secara atas talian (online)	Sangat tidak setuju	5	10
		Tidak setuju	3	6
		Kurang setuju	8	16
		Setuju	10	20
		Sangat setuju	24	48
4.	Berisiko untuk menutup perniagaan kerana pengusaha tidak dapat membayar sewa kedai dan gaji pekerja	Sangat tidak setuju	8	16
		Tidak setuju	6	12
		Kurang setuju	8	16
		Setuju	21	43
		Sangat setuju	7	14
5.	Pihak pengurusan pusat membeli belah tiada budi bicara untuk mengurangkan kadar sewa kepada pengusaha	Sangat tidak setuju	8	16
		Tidak setuju	6	12
		Kurang setuju	16	32
		Setuju	11	22
		Sangat setuju	9	18
6.	Waktu perniagaan yang ditetapkan oleh kerajaan	Sangat tidak setuju	3	6
		Tidak setuju	2	4
		Kurang setuju	8	16
		Setuju	16	32
		Sangat setuju	21	42
7.	Terlalu banyak saingan pemasaran daripada pengusaha lain	Sangat tidak setuju	1	2
		Tidak setuju	2	4
		Kurang setuju	5	10
		Setuju	16	32
		Sangat setuju	26	52

Berdasarkan analisis, pernyataan pertama iaitu 'pengusaha kiosk kurang pengetahuan tentang kaedah pemasaran' mempunyai sebanyak 32 peratus bersamaan dengan 16 orang responden yang kurang setuju dengan pernyataan ini. Pengusaha kiosk di 1 Borneo Hypermall mempunyai beberapa pengetahuan tentang kaedah pemasaran dimana semasa pandemik COVID-19 mereka membuat penurunan harga terhadap barangan jualan mereka melalui media sosial. Pengusaha

kiosk di 1 Borneo Hypermall terpaksa menurunkan harga yang rendah walaupun tidak mendapat balikan modal semata-mata untuk menampung bayaran sewa kedai dan juga gaji pekerja. Bagi pernyataan yang kedua iaitu 'pengusaha kurang tahu cara mempromosikan jualan di media sosial'. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 38 peratus, atau 19 responden, kurang setuju dengan pernyataan ini. Pergerakan rakyat Malaysia telah terbatas setelah PKP dilaksanakan. Akibatnya, ramai orang memilih untuk terus tinggal di rumah bagi mengelakkan risiko jangkitan COVID-19. Segala urusan jual dan beli adalah menggunakan media sosial. Oleh itu, salah satu cara untuk melariskan jualan pengusaha kiosk 1 Borneo Hypermall menggunakan cara dengan mempromosikan jualan di media sosial seperti menggunakan Facebook, Tik tok, Instagram, Shopee dan sebagainya.

Pernyataan yang seterusnya ialah 'pengusaha lebih selesa menjual di kiosk berbanding secara atas talian (online)'. Dalam pernyataan ini sebanyak 48 peratus bersamaan dengan 24 orang pengusaha kiosk sangat setuju dengan pernyataan ini. Berdasarkan kajian yang dijalankan di lapangan, beberapa pengusaha yang menjual makanan dan minuman lebih selesa menjual di kiosk kerana terdapat makanan yang 64 dijual yang mudah cair seperti aiskrim, minuman berais dan lain-lain tidak dapat dijual menggunakan atas talian dengan jarak yang jauh. Oleh sebab itu pengusaha lebih memilih dan selesa untuk menjual di kiosk kerana dapat menjimatkan masa dan tidak melibatkan sebarang kos tambahan. Selain itu, pernyataan 'berisiko untuk menutup perniagaan kerana pengusaha tidak dapat membayar sewa kedai dan gaji pekerja' pula mencatat 42 peratus bersamaan dengan 21 orang responden yang setuju dengan pernyataan ini. Berdasarkan pemerhatian kajian yang dijalankan di 1 Borneo Hypermall sepanjang pandemik COVID-19 berlaku ramai kiosk dan kedai-kedai yang lain menutup kedai buat sementara waktu dan ada juga yang menutup premis mereka dan memutuskan untuk tidak lagi menyewa premis di 1 Borneo Hypermall akibat daripada beban bil, sewa dan tidak dapat membayar gaji pekerja yang ramai. Terdapat pengusaha yang terpaksa untuk menghadkan pekerja dengan memberhentikan pekerja kerana tidak dapat menampung gaji mereka.

Peluang pekerjaan banyak ditawarkan oleh sektor PKS sebelum wabak COVID-19 melanda negara (Rima & Harifah (2021). Namun situasi bertukar dengan pantas apabila semasa pandemik COVID-19 telah menguasai keadaan yang memaksa pengusaha untuk memberhentikan ramai pekerja kerana pendapatan semakin menurun. Tenaga kerja terpaksa dikurangkan di semua sektor ekonomi dan menyebabkan kebanyakan orang hilang pekerjaan (Karabarg, 2020). Situasi ini sama melalui tinjauan daripada Pusat Penyelidikan Dasar Ekonomi (EPRC) di Uganda telah mendedahkan bahawa tiga perempat daripada perniagaan yang ditinjau telah memberhentikan pekerja disebabkan risiko daripada COVID-19 untuk langkah membendung penyakit tersebut (Corti dan Nathan, 2020). Manakala bagi pernyataan 'pihak pengurusan pusat membeli belah tiada budi bicara untuk mengurangkan kadar sewa kepada pengusaha' mencatat 32 peratus bersamaan dengan 16 orang pengusaha kiosk yang kurang setuju dengan pernyataan ini.

Semasa kajian dijalankan, pengusaha kiosk menyatakan bahawa pihak pengurusan 1 borneo hypermall ada mengurangkan kadar sewa kepada pengusaha berdasarkan budi bicara. Hal ini dapat dilihat daripada beberapa pengurusan pusat membeli belah seperti Sunway Malls yang mengetepikan bayaran 65 sewa bagi tempoh 18 hingga 31 Mac 2020 untuk penyewa yang tidak menyediakan perkhidmatan penting (Berita Harian, 2020).

Cabaran pengusaha kiosk yang seterusnya ialah 'waktu perniagaan yang ditetapkan oleh kerajaan kepada pengusaha Kiosk terhad'. Dalam pernyataan ini, sebanyak 42 peratus bersamaan dengan 21 orang pengusaha kiosk yang sangat setuju dengan pernyataan ini. Pengusaha kiosk menyatakan bahawa semasa pandemik COVID-19, masa yang diberikan kepada pelanggan telah dihadkan kepada dua jam dan pusat membeli belah hanya dibuka jadi jam 10 pagi hingga 8 malam sahaja. Bagi pernyataan yang terakhir iaitu 'terlalu banyak saingan pemasaran daripada pengusaha lain' mencatat 52 peratus bersamaan dengan 26 peratus responden. Pengusaha kiosk di 1 Borneo Hypermall sangat setuju dengan pernyataan ini. Hal ini demikian kerana semasa pandemik COVID-19 berlaku semua pengusaha sudah pastinya mahu memasarkan dan mempromosikan barangan mereka secara atas talian yang secara langsung mewujudkan persaingan kerana terdapat faktor seperti produk yang dijual adalah sama

5.2 Tafsiran Skor Min Cabaran Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19

Kaedah tafsiran skor min digunakan bagi mengetahui tahap cabaran usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19. Berdasarkan jadual 2 terdapat tiga skala yang sangat tinggi (ST), Tinggi (T), dan Sederhana (S) yang menunjukkan kesan semasa pandemik COVID-19 di 1 Borneo Hypermall. Melalui tafsiran ini akan dapat mengetahui tahap cabaran dan kesan yang dirasakan pengusaha dan usahawan kiosk di 1 Borneo Hypermall. Pernyataan yang merekodkan nilai min yang sangat tinggi (ST) ialah 'terlalu banyak saingan pemasaran daripada pengusaha lain' dengan nilai skor min (4.28). Persaingan dalam dunia perniagaan adalah sudah wujud dari dahulu namun semenjak COVID-19 melanda di seluruh negara berlaku persiangan yang sangat sengit oleh kerana persaingan harga, jenis barang dan sebagainya. Kebanyakan pengusaha kiosk 1 Borneo Hypermall hanya mengetahui cara untuk memasarkan produk tetapi sedikit sahaja pengusaha yang mengetahuinya dengan betul cara untuk mencapainya. Mereka juga tidak mempunyai wang untuk membuat promosi dengan memasarkan produk yang dijual. Hasil kajian yang dijalankan oleh sebuah universiti tempatan, menunjukkan lebih 50% daripada keseluruhan industri kecil yang dikaji mengakui bahawa mereka mendapat keuntungan yang sangat kecil akibat masalah pemasaran (Sazelin, 2009).

Jadual 2.

*Tafsiran Skor Min Cabaran Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall
Semasa Pandemik COVID-19*

Pernyataan Cabaran Usahawan Kiosk	Skor Min	Tahap
Terlalu banyak saingan pemasaran daripada pengusaha lain	4.38	ST
Waktu perniagaan yang ditetapkan oleh kerajaan kepada pengusaha Kiosk terhadap	4.00	T
Pengusaha lebih selesa menjual di kiosk berbanding secara atas talian (online)	3.90	T
Berisiko untuk menutup perniagaan kerana pengusaha tidak dapat membayar sewa kedai dan gaji pekerja	3.26	S
Pihak pengurusan pusat membeli belah tiada budi bicara untuk mengurangkan kadar sewa kepada pengusaha	3.14	S
Pengusaha kiosk kurang pengetahuan tentang kaedah pemasaran	2.84	S
Pengusaha kurang tahu cara mempromosikan jualan di media sosial	2.46	S

Tafsiran skor min kedua tertinggi ialah 'waktu perniagaan yang ditetapkan oleh kerajaan kepada pengusaha kiosk terhadap' dengan mencatat skor min (4.00) iaitu berada di tahap tinggi (T). Had kemasukan ke pusat beli-belah dihadkan mengikut 68 kapasiti dan keluasan premis untuk mengelakkan kesesakan yang berisiko untuk dijangkiti COVID-19. Pusat membeli-belah telah menghadkan bilangan pelanggan dalam satu tempoh masa berdasarkan keluasan premis perniagaan dan setiap seorang hanya dihadkan kepada maksimum 2 jam sahaja untuk membeli-belah (Samadi, 2021). Tambahan lagi, tempoh masa yang diberikan kepada pusat membeli-belah adalah tidak seperti biasanya iaitu dari jam 10 pagi hingga 10 malam. Di samping itu, kapasiti pelanggan setiap kedai dihadkan masa berniaga juga terpaksa dihadkan sehingga jam 8 malam sahaja untuk mencegah penularan COVID-19 semasa pandemik. Tafsiran skor min yang terendah adalah pernyataan 'pengusaha kurang tahu cara mempromosikan jualan di media sosial' dengan mencatat (2.46) iaitu bersamaan dengan sederhana (S)'. Pernyataan ini mencatat yang terendah kerana pengusaha di kiosk di 1 Borneo Hypermall rata-ratanya mengetahui cara untuk mempromosikan jualan di media sosial. Hal ini dapat dilihat apabila ramai pengusaha yang masih dapat bertahan semasa pandemik COVID-19 kerana mereka mengambil inisiatif dalam menyokong kewangan untuk terus membuat promosi menurunkan harga di media sosial. Ini dibuktikan dengan peningkatan sebanyak 28.9 peratus aktiviti perniagaan secara dalam talian dalam

tempoh sebulan selepas PKP dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 (Muhammad Basil, 2021). Menurut Sazelin (2009), cabaran utama pengusaha kecil ini adalah keupayaan untuk memasarkan produk mereka. Mereka haruslah bijak untuk mengatur strategi dalam pemasaran dalam mendapatkan peluang dalam perniagaan untuk memperolehi keuntungan. Memasarkan produk di media sosial tanpa mengaplikasi strategi yang berkesan kurang memberikan impak seperti yang diharapkan kerana dunia perniagaan semasa pandemik COVID-19 sudah beralih ke platform digital. Menurut Rima & Harifah (2021), dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa sebahagian pengusaha tidak memahami kaedah pemasaran yang sesuai dalam situasi norma baharu. Banyak perubahan yang berlaku serta keperluan untuk mempelajari ilmu pemasaran terkini, terutamanya dalam bidang pemasaran e-dagang, telah menyukarkan pengusaha untuk melaksanakan strategi pemasaran dengan berkesan.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pandemic COVID-19 telah menjejaskan ekonomi Malaysia dan secara tidak langsung memberi kesan kepada para peniaga. Oleh itu, pelbagai langkah secara menyeluruh perlu diambil oleh semua pihak yang terlibat untuk menangani masalah ini bersama pengusaha yang masih berusaha meneruskan perniagaan meskipun menghadapi pelbagai cabaran. Hasil kajian ini diharapkan boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada pihak berkepentingan dalam memperkukuh kajian berkaitan pengusaha kiosk. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat diteruskan dengan penambahbaikan dari segi metodologi dan analisis, dengan memperkenalkan pelbagai teknik analisis dan penyampaian data.

7. Penghargaan

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Sumbangan Penulis

Chentia Subi: Perkonsepsian dan metodologi, Mohamad Nazril Sharil: Pengumpulan data, Jessie Padisan: Visualisasi dan Lindah Roziani Jamru*: Penulisan draf, penyeliaan, semakan dan penyuntingan.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Penyataan Ketersediaan Data

Penulis mengesahkan bahawa data yang menyokong dapatan kajian ini tersedia dalam artikel ini.

8. RUJUKAN

- Berita Harian. 16 Mac 2020. COVID-19 Kerajaan umum Perintah Kawalan Pergerakan mulai Rabu. Dipetik dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665949/covid-19-kerajaan-umum-perintah-kawalanpergerakan-mulai-rabu> pada 7 Januari 2022
- Berita Harian. 23 March 2020. COVID-19: Industri gedung beli-belah berdepan kerugian lebih RM750 juta. Dipetik dari <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2020/03/668444/covid-19-industri-gedung-beli-belahberdepan-kerugian-lebih-rm750> pada 8 Julai 2022
- Borneo Post Online. 7 November 2016. Operators Real Victims in 1Borneo Kiosks Fiasco-yong. Dipetik dari <https://www.theborneopost.com/2016/11/07/operators-real-victims-in-1borneo-kiosks-fiasco-yong/> pada 5 Februari 2022.
- Cheng, C. (2020). COVID-19 in Malaysia: Economic Impacts & Fiscal Responses. Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia, ISIS- Policy Brief. 1 (20), 1-20.
- Cohen, L, Manion, L. & Marrison, L. (2007). Research Methods Education Edt 6. New York : Rout ledge & Francis Group
- Corti Paul Lakuma & Nathan. (2020). Impact of COVID-19 on micro, small, and medium businesses in Uganda. 19 Mei 2020. Dipetik dari <https://www.brookings.edu/blog/africa-in-focus/2020/05/19/impact-of-covid-19-on-micro-smalland-medium-businesses-in-uganda/amp/> pada 10 Januari 2022.
- Fareez Azman. 2020. Adakah peniaga IKS Malaysia bersedia memasuki ekonomi digital?. Astro Awani. 4 April 2020. Dipetik dari <http://www.astroawani.com/beritamalaysia/adakah-peniaga-iks-malaysia-bersedia-memasukiekonomi-digital-236786> pada 7 Januari 2022
- Fatimah, H. 2021. Pengurusan Risiko Perniagaan Dalam Kalangan Usahawan Belia Mikro di Pulau Pinang. Jurnal Dunia Perniagaan, 3(3), 12-24.
- Firdaus Abdul Gani. 2020. Impak psikologi akibat wabak COVID-19. Astro Awani. 14 Mac 2020. Dipetik dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/impakpsikologi-akibat-wabakCOVID-19-23364> pada 20 Januari 2022
- Ibrahim, P., & Yahaya, D. D. 2014. Keusahawanan dan daya saing dalam sektor pelancongan pulau. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Jafar, A., Dollah, R., Dambul, R., Mittal, P., Ahmad, S.A., Sakke, N., Mapa, M.T., Joko, E.P., Eboy, O.V., Jamru, L.R. and Wahab, A.A., 2022. Virtual learning during COVID-19: Exploring challenges and identifying highly vulnerable groups based on location. *International journal of environmental research and public health*, 19(17), p.11108.
- Jamru, L., Padisan, J., Sharil, M. N. and Subi, C. (2023) "Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan Pasar Minggu di Pekan

- Ranau, Sabah", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), p. e002243. doi: 10.47405/mjssh.v8i4.2243.
- Jamru, L. R., Jafar, A., Imang U., Zakaria, Z., Yusoh, M. P., Hua, K. A., Jambol., D. J., & Madli, F. (2024). Geospatial analysis of COVID-19 vaccine recipient distribution In Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (63), 417 – 428.
- Karabarg, S. F. 2020. An unprecedented global crisis! The global, regional, national, political, economic and commercial impact of the coronavirus pandemic, *Journal of Applied Economics and Business Research*, 10 (1), 1-6
- Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. 2021. Pelan Induk PKS 2012-2020.
- Muhammad Majid, K., 1994. Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mueller, V., Rosenbusch, N., & Bausch, A. 2013. Success Patterns of Exploratory and Exploitative Innovation: A MetaAnalysis of the Influence of Institutional Factors. *Journal of Management*, 39(6), 1606-1636.
- Murnaena Muhammad Nasir. 2020. Covid-19: Perniagaan Terjejas. *Harian Metro*. 6 Mac2020. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/551783/covid-19-perniagaan-terjejas> pada 11 Januari 2022
- Mohd Roji Kawi. 2020. *Harian Metro*. Peniaga Kecil Sesuaikan Diri Norma Baharu. *Harian Metro*. 26 April 2020. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571425/peniagakecilsesuaikan-diri-norma-baharumetrotv> pada 10 Januari 2022.
- MyMetro. 27 Mac 2020. Jangka Jualan Runcit Merosot 90 Peratus. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/03/559048/jangka-jualan-runcitmerosot-90-peratus> pada 6 Januari 2022
- Noor Fzlinda, F., Khairul Hanim P., & Juliana L. 2020. The Impact of COVID-19 Pandemic Crisis on Micro-Enterprises: Entrepreneurs' Perspective on Business Continuity and Recovery Strategy. *Journal of Economics and Business*, 3 (2), 837-844.
- Nur Ashikin Ismail. (2021). Perniagaan Kian Terjejas Semasa PKP Antara Keluhan Responden Di Pusat Beli-Belah. 20 Mei 2021. Dipetik dari <https://www.buletinmutiara.com/perniagaan-kian-terjejas-semasa-pkp-antara-keluhanresponden-di-pusat-beli-belah/> pada 11 Januari 2022
- Peter, T., K. H. Ang, L. R. Jamru, and R. Abd Gafor. (2022) "Implikasi Pandemik Covid-19 Terhadap Usahawan Pelancongan Skala Mikro Di Daerah Ranau, Sabah." *Management* 7, no. 30: 49-62.
- Prajogo, D., & McDermott, C. M. (2013). Antecedents of Service Innovation in SMEs: Comparing the Effects of External and Internal Factors. *Journal of Small Business Management*
- Rima, A, R., & Harifah, M, N. (2021). Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Perniagaan Makanan Tradisi Yang Diusahakan Oleh Usahawan Pks Dan 99 Bantuan Kerajaan Yang Diperlukan Semasa Pandemik Covid 19 Di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 133-150

- Rosli, M., Lily Julienti A, B., Mohamad Yusop M, J., Muhammad Shukri B., Norita D., Norria, Z., Syahrina A., Rosli M. S., and Azrain Nasyrah M. (2007). Prinsipprinsip asas keusahawanan
- Samadi Ahmad. 2021. Hanya maksimum 2 jam dibenarkan berada di pusat beli belah! [METROTV]. Harian Metro. 23 Mei 2022. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2021/05/709168/hanya-maksimum-2-jamdibenarkan-berada-di-pusat-beli-belah-metrotv> pada 6 Julai 2022
- Sazelin, A. (2009). Keupayaan Pemasaran dalam kalangan Pengusaha kecil makanan halal di Melaka tengah: satu kajian Awal. *MALIM Bil*, 10, 188.
- Sherraden, M., Sanders, C.K. & Ssewamala, F. (2004). *Kitchen capitalism: microenterprises in low-income households*. New York: State University of New York Press.
- Smita Kuriakose. (2020). Reopening Malaysia's economy in a new normal. *East Asia & Pacific on the Rise in World Bank Blogs*. 7 Mei 2020. Dipetik dari <https://blogs.worldbank.org/eastasiapacific/reopening-malaysias-economy-new-normal> pada 10 Januari 2022.
- Subi, C., Jamru, L. R., Zakaria, Z., & Ang, K. H. (2022). Implikasi Pandemik Covid-19 Terhadap Usahawan Kiosk Pusat Membeli-Belah 1 Borneo. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (30), 148-166. DOI: 10.35631/JTHEM.730012
- Zamri Rambli Dan Nurul Riduan Nor Ashaha. 2020. Peniaga PKS Makin Sukar Bertahan!. 27 Mar 2020. *Sinar Harian*. Dipetik dari <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/75809> pada 10 Januari 2022.